

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.
SANTIAGO
(KLANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO [KLANG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah individu yang telah disenarai hitamkan akibat kegagalan membayar pinjaman rumah dan kad kredit.

JAWAPAN

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, tiada sistem senarai hitam sebagaimana tanggapan sesetengah pihak. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk membetulkan pemahaman berkenaan istilah senarai hitam yang sering disalahguna pemakaiannya. Tiada mana-mana pihak yang telah dilantik atau diberi kuasa oleh pihak Kerajaan untuk menyenarai hitamkan mana-mana individu yang gagal

mematuhi obligasi pembayaran balik pinjaman sepertimana anggapan sesetengah pihak. Oleh demikian, tiada data berkenaan jumlah individu yang telah disenarai hitamkan sebagaimana yang dipohon oleh ahli Yang Berhormat.

Pemakaian istilah senarai hitam yang sering digunakan oleh institusi kewangan sewaktu menolak permohonan pinjaman ternyata telah menimbulkan kekeliruan, salah faham dan persepsi negatif di kalangan orang awam. Penilaian kredit oleh institusi kewangan adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang mencerminkan reputasi dan kepercayaan kredit atau *credit worthiness* dengan izin, pelanggan serta merangkumi beberapa perkara termasuk penilaian kredit melalui laporan kredit, garis panduan, dasar pinjaman dan pemarkahan kredit dalaman bagi membuat keputusan akhir yang tepat dan berhemat dalam pemberian pinjaman.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, faktor-faktor seperti jumlah tunggakan hutang terkumpul yang belum dibayar balik atau corak pembayaran balik yang tidak teratur akan memberi impak negatif dan skor penilaian kredit yang tidak memuaskan dan seterusnya akan menjejaskan permohonan pinjaman.